

**TEORI UMRAN IBN KHALDUN : KAJIAN KHUSUS KEJATUHAN  
PERADABAN ISLAM MELAKA DAN KEBANGKITAN KUASA  
PORTUGIS DI MELAKA**

**AIZA BT MASLAN @ BAHARUDIN**

Perpustakaan Universiti Malaya



A510498689

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
1999/2000**

**TEORI ‘UMRAN IBN KHALDUN : KAJIAN KHUSUS KEJATUHAN  
PERADABAN ISLAM MELAKA DAN KEBANGKITAN KUASA  
PORTUGIS DI MELAKA**

**AIZA BT MASLAN @ BAHARUDIN**

**Disertasi ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian syarat  
keperluan Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Peradaban)  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur**



---

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA  
PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG

---

## DEDIKASI

*Bekalung Apresiasi Kupersembahkan Buat*

AYAHANDA MASLAN © BAHARUDIN B. HJ. HASAN  
BONDA MOHANI BT ABU BAKAR

*Di atas segala pengorbanan, dorongan serta kasih sayang yang dicurahkan.  
Segala pesan kalian tersemat utuh di sanubariku. Ku dewasa bersama tunjuk  
ajar kalian. Qnilah sahaja yang mampu anakanda persembahkan bagi  
membuktikan bahawa pengorbanan kalian berhasil juga.  
Moga daku menjadi kebanggaan kalian berdua.*

ADIK-ADIK YANG DISAYANGI  
Irda, Naima, Nurulizzah dan Syakirah

*Moga kalian menjadi insan yang berjaya di dunia dan di akhirat*

### PARA PENDIDIK YANG DISANJUNGI

*Di atas segala kesabaran, turjuk ajar dan ilmu yang dicurahkan.  
Jasa kalian pasti tidak ku lupa. Semoga kalian dirahmati Ulahi.*

### TEMAN-TEMAN

*Jabila ku kenang detik kita bersama  
Kita bersua dan dipisahkan waktu  
Ku sedar kini, itulah adat dunia, tiada yang selamanya  
Terima kasih di atas persahabatan yang terjalin.*

### YA ILAHI

*Berilah keredhaan dan keampunanmu  
Hidup dan matikanlah aku dalam cahaya kelmanan  
Berilah kekuatan untukku menegakkan agamamu*

## PENGHARGAAN

Segala puji ke hadrat Ilahi. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S A.W , para sahabat, tabi'in, dan semua muslimin dan muslimat. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmat dari-Nya, kajian ini dapat diselesaikan walaupun dalam bentuk seadanya.

Melalui halaman ini, penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan khusus buat Prof Dr. Hashim Musa selaku penyelia bagi kajian ini yang senantiasa memberikan komen, teguran, dan bimbingan kepada penulis sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak ketinggalan juga kepada semua para pensyarah Pengajian Peradaban, Universiti Malaya

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Ustaz Saifuddin b Hj. Asri dan Encik Abu Hassan Othman di atas bantuan dan kerjasama kalian berdua selaku editor kepada kajian ini. Juga kepada Prof Dr. Hasan Ahmed Ibrahim dan Prof. Dr. Abdullah al-Ahsan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di atas segala bantuan dan bimbingan yang dihulurkan. Tidak dilupakan semua kakitangan Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'aba, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia.

Sekalung penghargaan dan sekudus kasih sayang ditujukan khusus buat ayahanda Maslan @ Baharudin b. Hj. Hasan dan bonda Mohani bt. Abu Bakar yang tidak pernah jemu memberikan bimbingan, sokongan, dorongan, dan doa sepanjang masa, terutamanya semasa menyiapkan disertasi ini. Juga kepada adik-adik tersayang. Tidak dilupakan buat insan teristimewa Jamil b. Abdullah @ Othman yang senantiasa memahami diri ini. Ucapan terima kasih juga buat ternan-teman, kak Nida, kak Najah, Shimah, Jiah dan Su.

Terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam menyempurnakan disertasi ini. Semoga pengorbanan kalian diberkati Allah S.W.T. Akhirnya, semoga disertasi ini dapat dimanfaatkan serta mendapat keberkatan Ilahi.

Wassalam.